

30/05/2002

Pemilik, penumpang bot terus abai keselamatan (HL)

mah Bitong

KUALA LUMPUR, Rabu - Tragedi bot karam di Tasik Banding dekat Grik, Perak yang mengorbankan lapan nyawa Isnin lalu, jelas tidak memberi kesedaran langsung kepada pengusaha mahupun penumpang bot di beberapa kawasan di seluruh negara untuk menjaga keselamatan masing-masing.

Selain itu pihak berkuasa di beberapa tempat seolah-olah tidak mengambil iktibar daripada kejadian di Tasik Banding untuk menguatkuasakan peraturan dengan lebih ketat lagi.

Tinjauan Berita Harian di beberapa kawasan mendapati kebanyakan penumpang masih tidak menggunakan jaket keselamatan apabila menaiki bot dan ada pengusaha didapati membawa lebih muatan.

DI KOTA KINABALU, tinjauan mendapati masih ramai penumpang bot yang beroperasi dari ibu negeri ke beberapa pulau di sini tidak memakai jaket keselamatan dan sekali gus membahayakan diri mereka.

Tinjauan ke kawasan perairan dari ibu negeri ke Pulau Gaya dan beberapa pulau peranginan dalam Taman Tunku Abdul Rahman selama kira-kira tiga jam, mendapati jaket keselamatan ada disediakan pengusaha bot, tetapi tidak digunakan penumpang.

Alasan yang diberikan penumpang ialah kononnya jarak perjalanan yang agak dekat saja, iaitu kurang 10 minit dari sini ke Pulau Gaya, selain panas dan mereka pandai berenang.

Seorang pengusaha bot, Rajit Serong, 42, berkata sikap tidak menghiraukan keselamatan serta kurangnya kerjasama daripada penumpang kepada pengusaha bot menyebabkan jaket keselamatan tidak dipakai.

"Yang menyedihkan apabila mereka (penumpang) diberi jaket ini, mereka gunakan ia sebagai alas tempat duduk saja," katanya.

DI KUALA TERENGGANU, tinjauan Berita Harian di jeti bot penambang Syahbandar, mendapati kebanyakan penumpang bot tidak memakai jaket keselamatan yang disediakan walaupun mereka berhadapan dengan risiko bot karam.

Walaupun perjalanan menaiki bot penambang untuk ke Kampung Seberang Takir hanya mengambil masa tidak sampai 15 minit, perjalanan merentasi sungai Terengganu berhampiran muara itu dilihat berisiko tinggi.

Tambahan pula kebanyakan bot penambang itu sudah lama dan ada yang sudah melebihi 20 tahun.

Pemilik bot penambang dipercayai mula mengeluarkan jaket keselamatan daripada simpanan masing-masing untuk digunakan penumpang sejak kes bot karam di Tasik Banding dilaporkan berlaku.

Setiausaha Persatuan Bot Penambang Seberang Takir, Muda Ali, 66, ketika ditemui, di jeti bot penambang Syahbandar, berkata pihaknya tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan penumpang memakai jaket keselamatan.

Muda berkata, setiap bot hanya dibenarkan membawa penumpang tidak melebihi 12 orang dan mengakui arahan itu tidak diikuti kerana ada ketikanya bot terpaksa membawa lebih daripada 20 penumpang.

DI KUALA PERLIS, tinjauan akhbar ini mendapati bot penambang bebas membawa penumpang tanpa memakai jaket keselamatan.

Jabatan Laut Kuala Perlis berkata amaran keras sudah diberi kepada pengusaha bot yang memberi perkhidmatan berulang alik dari Satun, selatan Thailand ke Kuala Perlis, untuk mematuhi peraturan jaket keselamatan namun ia tetap diabaikan.

Timbalan Pegawai Pelabuhan Kuala Perlis, M Parmaswaran, ketika dihubungi berkata Jabatan Laut sudah menasihatkan pemilik bot supaya menyediakan

jaket keselamatan sejak beberapa tahun lalu.

"Namun, pemilik bot tidak patuh kepada nasihat kita. Saya sendiri pernah melihat bot yang sarat dengan penumpang terhoyong-hayang bagaikan hendak tenggelam di tengah laut.

"Bayangkan apa akan terjadi sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini," katanya.

Beliau berkata, selain daripada membawa rakyat Thailand, ramai juga rakyat negara ini yang menaiki bot itu daripada jeti Kuala Perlis.

Parmaswaran mengakui bot yang didaftarkan di negara jiran itu mempunyai kebenaran membawa penumpang dari Satun tetapi Jabatan Laut tidak mengeluarkan sebarang lesen mengangkut penumpang dari jeti Kuala Perlis.

"Mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, setiap bot penumpang atau kapal yang membawa penumpang dimestikan membawa jaket keselamatan untuk setiap penumpang.

"Bagaimanapun, dalam kes ini bot itu tidak ikut peraturan.

"Saya akan menemui semua pengusaha bot itu dan mengarahkan mereka menyediakan jaket keselamatan untuk setiap penumpang.

"Sekiranya gagal, perkhidmatan mereka untuk mengambil penumpang di negara ini akan diberhentikan serta-merta," katanya.

DI MUAR, pengusaha bot penumpang yang menggunakan Sungai Muar, sudah mewajibkan setiap penumpang memakai jaket keselamatan ketika menaiki bot berkenaan untuk ke destinasi tertentu.

Malah penumpang diwajibkan memakai jaket keselamatan itu ketika berada di jeti sebelum menaiki bot bagi mengelak tragedi tidak diingini semasa dalam perjalanan.

Selain itu, pengusaha terbabit turut mematuhi peraturan permit, tidak membawa penumpang dan muatan secara berlebihan.

Pengurus AZ Marine Centers, syarikat bot persiaran yang memberikan perkhidmatan membawa penumpang menyusur Sungai Muar dari Jeti Tanjung Emas, Md Zaidi Khamis, berkata dia sendiri turun ke jeti setiap kali sebelum bot penumpang berlepas.

DI KOTA TINGGI, kerajaan Johor mahu pihak berkaitan seperti Syahbandar dan Jabatan Laut membuat pemantauan rapi ke atas pengusaha bot terutama bagi aktiviti pelancongan dan sukan air di negeri ini, memastikan mereka menyediakan kelengkapan keselamatan mencukupi kepada orang ramai.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata ciri-ciri keselamatan seperti penyediaan jaket keselamatan, pelampung serta muatan penumpang yang bersesuaian penting bagi pengangkutan air.

Akhbar hari ini melaporkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kajian akan dibuat terhadap pihak yang tidak menguatkuasakan pemakaian jaket keselamatan kerana ia wajib digunakan ketika menaiki bot.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji sama ada akan ambil tindakan terhadap pengusaha terbabit sekiranya mereka tidak menguatkuasa pemakaian jaket keselamatan.

(END)